



POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

(Versi Ogos 2023)
Dikemas Kini: September 2023

KANDUNGAN

MUKA SURAT 03

MUKA SURAT 04

MUKA SURAT 05

MUKA SURAT 06

MUKA SURAT 07

MUKA SURAT 09

MUKA SURAT 10

MUKA SURAT 11

TUJUAN

SKOP

KENYATAAN DASAR

PRINSIP-PRINSIP

PROSEDUR

**PERLINDUNGAN UNTUK PEMBERI
MAKLUMAT**

PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI

**PENGLIBATAN PEMBERI MAKLUMAT
DALAM PENYIASATAN**

RUJUKAN

BORANG PEMBERI MAKLUMAT



1. TUJUAN

Bagi menyediakan saluran kepada semua pekerja Hong Leong Bank Group (“HLBG” atau “Bank”), dan mana-mana orang (perundangan atau sebenar) termasuk mereka yang menyediakan perkhidmatan kepada, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan Bank, untuk menyuarakan kebimbangan tentang apa-apa kelakuan tidak wajar atau salah laku (“Kelakuan Tidak Wajar”) yang melibatkan Bank dan/atau pekerja-pekerja dan rakan perniagaan kami melalui saluran-saluran pemberian maklumat HLBG secara sulit.

Dokumen ini adalah hak milik HLBB/ HLISB. Tiada bahagian di dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa bentuk ataupun cara termasuk mekanikal, elektronik, fotokopi, rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan HLBB / HLISB.

2. SKOP

Polisi Pemberian Maklumat ini terpakai di peringkat HLBG [i.e. Hong Leong Bank Berhad dan syarikat subsidiari-subsidiari dan cawangan kami]. Walaubagaimanapun, syarikat subsidiari-subsidiari HLBG di luar negara mempunyai Polisi Pencegahan Rasuah dan Korupsi mereka sendiri yang selari dan konsisten dengan Polisi Pemberian Maklumat HLBG ini.

Berikut adalah senarai orang yang boleh menyuarakan kebimbangan mereka atas sebarang Kelakuan Tidak Wajar melalui saluran pemberitahuan maklumat HLBG:

- a) mana-mana pekerja atau pengarah HLBG; dan
- b) mana-mana orang (perundangan atau sebenar), termasuk mereka yang menyediakan perkhidmatan kepada, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan, HLBG.

4.

3. KENYATAAN DASAR

Salah satu daripada nilai asas Bank ialah kami 'Di sini untuk Jangka Masa Panjang' atau '*Here for the Long Term*'. Demi menegakkan nilai ini, Bank sentiasa komited terhadap tahap profesionalisme dan etika yang tinggi dalam setiap amalan perniagaan dan aktiviti profesional kami seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Kod Tatalaku & Etika ("Kod") HLBG. Semua individu digalakkan untuk menyuarakan kebimbangan mengenai sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku atau berpotensi untuk berlaku yang boleh menjejaskan aspirasi ini dan berpotensi untuk merosakkan reputasi serta kedudukan Bank di dalam komuniti.

Kebimbangan ini harus disalurkan seawal mungkin dan dengan cara yang bersesuaian, melalui saluran yang disediakan di bawah naungan Polisi Pemberian Maklumat ini atau mengikuti proses pelaporan dalaman seperti yang diperuntukkan di bawah Polisi Jabatan Pematuhan HLBG (bagi kaitangan Bank).

4. PRINSIP-PRINSIP

Anda perlu bersuara sekiranya anda menyaksikan atau diarahkan secara tidak wajar atau dinasihatkan untuk mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, oleh kakitangan Bank, pelanggan, pembekal atau rakan perniagaan.

Laporan Pemberian Maklumat akan dikendalikan dengan sulit dan hanya dikongsi sekiranya perlu, contohnya dengan orang yang terlibat dalam penyiasatan, penyelesaian, atau pemulihan isu.

Kebimbangan yang boleh disalurkan melalui saluran pemberian maklumat ini haruslah merupakan kebimbangan mengenai Kelakuan Tidak Wajar melibatkan HLBG dan/atau yang boleh memberi kesan buruk terhadap Bank termasuklah, tetapi tidak terhad kepada:

- a) apa-apa kesalahan membabitkan integriti/ kejujuran atau kesalahan jenayah, termasuk penipuan, pencurian, pecah amanah, korupsi, rasuah dan ugutan;
- b) apa-apa kegagalan untuk mematuhi undang-undang atau keperluan peraturan;
- c) pelanggaran Polisi, Prosedur dan Standard Bank;
- d) sebarang kelakuan tidak wajar yang boleh menjadi kesalahan tatatertib; atau
- e) sebarang penyelewengan terhadap urusan syarikat.

Harap maklum bahawa sebarang aduan yang bersifat peribadi atau yang berkaitan dengan pekerjaan anda perlu disalurkan melalui saluran Jabatan Sumber Manusia ('HR') dan bukan melalui Polisi Pemberitahuan Maklumat atau Borang Pemberi Maklumat ini.

5. PROSEDUR

Apa-apa pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar yang melibatkan Bank hendaklah disalurkan melalui saluran komunikasi yang telah ditetapkan kepada mana-mana orang yang dilantik di bawah saluran pemberian maklumat HLBG seperti berikut:

Hong Leong Bank Berhad (HLBB) dan Cawangan serta Anak Syarikatnya	Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) Sahaja
<p>Ms. Christine Lau Souk Huan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Aras 6, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>christinelau@hongleong.com.my</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>YBhg Datuk Manharlal a/l Ratilal @ Datuk George Ratilal Pengarah Hong Leong Bank Berhad Aras 6, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>george.ratilal@hongleong.com.my</p>	<p>Encik Alan Hamzah Sendut Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Lembaga Aras 6, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Alanhamzah@hongleong.com.my</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Puan Rowina Ghazali Seth Pengarah Hong Leong Islamic Bank Berhad Aras 6, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>rowina@hongleong.com.my</p>

5. PROSEDUR (samb.)

Pemberi maklumat dinasihatkan membuat pendedahan secara bertulis dan memberikan butiran yang mencukupi termasuk perkara berikut:

- a) jenis atau penerangan tentang Kelakuan Tidak Wajar;
- b) nama individu-individu yang melakukan atau terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar;
- c) maklumat penuh mengenai kebimbangan yang didedahkan, termasuk 'apa' (what), 'bila' (when) dan 'di mana' (where) berkaitan dengan Kelakuan Tidak Wajar tersebut; dan
- d) dokumen atau bukti sokongan yang berkaitan, jika ada.

Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila gunakan [Borang Pemberi Maklumat](#) untuk memberikan butiran yang diperlukan.

Pemberi maklumat digalakkan untuk memberikan nama penuh dan butiran perhubungan mereka bagi memudahkan pihak Bank mendapatkan penjelasan atau maklumat lanjut untuk tujuan siasatan lanjut terhadap Kelakuan Tidak Wajar berkenaan.

Mana-mana pihak yang memilih untuk memberi butiran secara anonim (tanpa nama) dinasihatkan bahawa keupayaan Bank untuk menyiasat dakwaan Kelakuan Tidak Wajar akan terhad kepada kandungan laporan yang diterima oleh Bank. Sekiranya maklumat yang diberi tidak mencukupi, pihak Bank berhak untuk batalkan siasatan Kelakuan Tidak Wajar yang dilaporkan secara anonim (tanpa nama), kerana tidak dapat meminta penjelasan lanjut untuk memastikan ketepatan fakta yang relevan untuk tujuan penyiasatan.a)

5. PROSEDUR (samb.)

Pemberi Maklumat boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa kerajaan berkenaan atau pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis dan sebagainya.

6. PERLINDUNGAN UNTUK PEMBERI MAKLUMAT

Tertakluk pada perenggan di bawah ini dan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang, anda akan dilindungi daripada tindak balas, tindakan yang memudaratkan pekerjaan atau tindakan undang-undang dan dari pendedahan identiti anda (setakat yang bersesuaian), dengan syarat laporan anda dibuat dengan niat suci hati (*'good faith'*) (walaupun sekiranya ternyata anda telah tersilap dalam menyuarakan kebimbangan anda).

Perlindungan anda mungkin dibatalkan dan tindakan sewajarnya mungkin diambil terhadap anda sekiranya:

- a) anda telah mengambil bahagian dalam Kelakuan Tidak Wajar yang dinyatakan;
- b) anda membuat pernyataan penting (*'material'*) yang anda tahu atau dipercayai sebagai palsu atau tidak dipercayai benar;
- c) pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar adalah remeh atau menyebabkan kegusaran;
- d) pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar dibuat dengan niat jahat; atau
- e) pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar dibuat semata-mata atau secara substansial dengan motif mengelakkan pemecatan atau tindakan tatatertib yang lain.

6. PERLINDUNGAN UNTUK PEMBERI MAKLUMAT (samb.)

Jika anda mempunyai sebarang keraguan terhadap tindakan balas atau tindakan yang memudaratkan pekerjaan, anda boleh membuat laporan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga bagi HLB atau Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Lembaga bagi HLISB menerusi saluran pemberian maklumat Bank.

7. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI

Harap maklum bahawa pihak Bank boleh mendedahkan maklumat peribadi anda kepada lembaga pengarah, unit penyiasatan dan pegawai Pematuhan yang dilantik (“secara kolektif, Penerima”), untuk sebarang tindakan lanjut dan, jika bersesuaian, bertindak atas laporan anda, atau jika dikehendaki oleh undang-undang atau pihak berkuasa pengawalseliaan. Maklumat peribadi anda tidak akan didedahkan kepada penerima yang terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar yang dilaporkan. Harap maklum bahawa pihak Bank tidak dapat melakukan siasatan atau siasatan mungkin terjejas jikalau anda tidak bersetuju untuk mendedahkan maklumat peribadi anda.

8. PENGLIBATAN PEMBERI MAKLUMAT DALAM PENYIASATAN

Pemberi maklumat mungkin diminta untuk membantu apabila maklumat tambahan diperlukan dalam siasatan terhadap tertuduh tentang Kelakuan Tidak Wajar yang dilaporkan.

9. RUJUKAN

Polisi ini telah dirumuskan untuk merangkumi keperluan dalaman HLBB / HLISB serta keperluan peraturan dari garis panduan peraturan berikut:

- Polisi Dokumen Tadbir Urus Korporat BNM (BNM/RH/PD 029-9), perenggan 18.2
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

BORANG PEMBERI MAKLUMAT

Anda harus menyuarakan sebarang kebimbangan mengenai apa-apa kelakuan tidak wajar atau salah laku ("Kelakuan Tidak Wajar") yang melibatkan Hong Leong Bank Berhad atau Hong Leong Islamic Bank Berhad. Kebimbangan mengenai kedudukan peribadi atau pekerjaan anda, perlulah disalurkan melalui saluran Jabatan Sumber Manusia ('HR'), dan bukan melalui Borang Pemberi Maklumat ini.

HUBUNGAN ANDA DENGAN HONG LEONG	Sila tandakan semua yang berkenaan: Pelanggan: <input type="checkbox"/> Pekerja: <input type="checkbox"/>
	LAIN-LAIN: Sila nyatakan hubungan anda. Sila sertakan butiran majikan anda jika majikan anda menyediakan perkhidmatan kepada atau mempunyai hubungan perniagaan dengan Hong Leong.
JENIS AKAUN (Untuk pelanggan)	Sila tandakan semua jenis yang berkenaan: Akaun semasa: <input type="checkbox"/> Akaun simpanan: <input type="checkbox"/> Pinjaman: <input type="checkbox"/> Gadai janji: <input type="checkbox"/>
	LAIN-LAIN: Sila nyatakan produk/perkhidmatan Hong Leong yang disediakan kepada anda.
ID PEKERJA ANDA (Jika anda seorang pekerja Hong Leong Bank)	
BUTIRAN PERHUBUNGAN ANDA	Nama Penuh: Alamat: Telefon: E-mel:

BUTIRAN KEBIMBANGAN ANDA

(sila berikan seberapa banyak maklumat yang mungkin)

KETERANGAN MENGENAI KELAKUAN TIDAK WAJAR:

(sila gunakan helaian maklumat tambahan, jika perlu)

DI MANA KELAKUAN TIDAK WAJAR ITU BERLAKU?**BILA KELAKUAN TIDAK WAJAR ITU BERLAKU?****NAMA DAN JAWATAN PIHAK YANG TERLIBAT:****BUTIRAN MENGENAI MANA-MANA SAKSI:**

ADAKAH ANDA TELAH MELAPORKAN KELAKUAN TIDAK WAJAR BERKENAAN KEPADA MANA-MANA PIHAK BERKUASA? JIKA YA, SILA BERIKAN BUTIRAN:

DOKUMEN SOKONGAN DILAMPIRKAN (Sila tanda)?

Ya Tidak

HELAIAN MAKLUMAT TAMBAHAN**APA-APA MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Sila berikan apa-apa maklumat tambahan yang pada pendapat anda mungkin berkaitan, sebagai contoh, sama ada anda telah bersemuka dengan orang yang berkenaan, apa-apa impak kewangan terhadap Hong Leong Bank Group, dan sebagainya.